



SEMARAK ILMU  
PUBLISHING

202103288166(003316878-P)

## Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:  
<https://semarakilmu.my/php.index/sijile/index>  
ISSN: 3030-5268



SEMARAK INTERNATIONAL JOURNAL OF  
INNOVATION IN LEARNING  
AND EDUCATION

ISSN 3030 5268

# Inovasi Cerdik Jawi Menggunakan Pembelajaran Kinestatik dan Koperatif Meningkatkan Kemahiran Menulis Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

*Inovasi Cerdik Jawi using Kinesthetic and Cooperative Learning in Improving Jawi Writing Skill among Primary Pupils*

Fatma Wahida Amran<sup>1,\*</sup>, Mardzelah Makhsin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia

---

### ARTICLE INFO

**Article history:**

Received 29 February 2024

Received in revised form 20 March 2024

Accepted 24 March 2024

Available online 9 May 2024

---

### ABSTRACT

"Inovasi Cerdik Jawi" adalah satu pendekatan yang memanfaatkan pembelajaran kinestetik dan koperatif dengan tujuan meningkatkan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Pendekatan ini menekankan penggunaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan gerakan fizikal dan kerjasama antara murid untuk mencapai objektif pembelajaran. Inovasi ini memberikan penekanan kepada kemahiran motor halus murid melalui aktiviti membentuk tulisan di atas pasir (magnetic sand) yang dapat memberikan rangsangan positif terhadap kemahiran motor halus murid. Aktiviti pembelajaran dalam "Inovasi Cerdik Jawi" turut melibatkan murid belajar secara koperatif yang memerlukan kerjasama murid dalam proses belajar dan mereka bertanggungjawab ke atas pembelajaran rakan-rakan sepasukan mereka selain daripada pembelajaran mereka sendiri. Justeru, matlamat kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis Jawi dengan menggunakan "Inovasi Cerdik jawi". Kajian kuantitatif dijalankan dalam kajian ini dengan kajian kuasi eksperimen melibatkan ujian pra dan ujian pasca. Enam puluh orang murid sekolah rendah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan ( $n=30$ ) menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran mereka manakala kumpulan rawatan ( $n=30$ ) menggunakan kaedah "Inovasi Cerdik Jawi". Keputusan ujian Levene iaitu ( $F(1, 58) = 2.449, p>0.05$ ) menunjukkan bahawa nilai ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah homogen sebelum kajian dilaksanakan. Keputusan ujian pasca bagi kumpulan rawatan menunjukkan kaedah pembelajaran menggunakan Inovasi Cerdik Jawi memberi kesan yang signifikan terhadap kemahiran menulis Jawi. Berdasarkan dapatan data kualitatif, kaedah pengajaran dengan aplikasi kaedah "Inovasi Cerdik Jawi" dapat meningkatkan minat murid dalam pembelajaran Jawi. Secara kesimpulannya, "Inovasi Cerdik Jawi" adalah salah satu kaedah pembelajaran menggunakan kinestetik dan koperatif yang berupaya meningkatkan tahap penguasaan penulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah.

---

\* Corresponding author.

E-mail address: fatmawahidaamran@gmail.com

---

*"Inovasi Cerdik Jawi" is an approach that utilizes kinesthetic and cooperative learning with the aim to improve Jawi writing skill among primary school students. This approach emphasizes the use of activities involve physical movement and cooperation between students to achieve learning objectives. This innovation gives emphasis to student's fine motor skill through the activity of forming writing on magnetic sand which can stimuli student's skill. Learning activities in Inovasi Cerdik Jawi also encourage students to learn in cooperative way which requires student cooperation and they are responsible for the learning of the teammates apart of their own learning. Therefore, the aim of this study is to improve Jawi writing skills by using Inovasi Cerdik Jawi. Quantitative research is conducted in this study with quasi-experimental study involve pre-test and post-test. Sixty primary students were divided into two group, the control group and treatment group. Control group (n=30) used traditional methods in their learning session while treatment group (n=30) used Cerdik Jawi method. The results of Levene's test ( $F 1,58 = 2.449, p>0.05$ ) show that pre-test values for control group and treatment group are homogeneous before the study is carried out. The results for post-test for the treatment group showed that the learning method using Inovasi Cerdik Jawi had a significant effect on Jawi writing skill. Based on the finding of qualitative data, the teaching method with the application of Inovasi Cerdik Jawi can increase student's interest in learning Jawi. In conclusion, Inovasi Cerdik Jawi is the learning method using kinesthetic and cooperative approach are able to increase the level of mastery of Jawi sritting among primary school students.*

**Katakunci:**

Inovasi; tulisan Jawi; pembelajaran; kinestatik; koperatif

**Keywords:**

Innovation; Jawi writing; learning, kinesthetic; cooperative

## 1. Introduction

Revolusi pendidikan 4.0 menyebabkan corak pendidikan berubah daripada kaedah konvensional kepada corak pembelajaran abad ke-21. Sistem pendidikan dalam abad ke-21 bukan sahaja ingin melahirkan murid yang berilmu malah bermatlamat untuk melahirkan murid yang kompeten bagi mendepani cabaran global [1]. Sehubungan itu, guru perlulah membuat pembaharuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui daya cipta yang lebih kreatif [2]. Konsep pembelajaran abad ke-21 adalah pembelajaran yang berpusatkan murid dengan mengintegrasikan beberapa elemen dalam pembelajaran iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan juga nilai murni [3]. Guru akan bertindak sebagai fasilitator dan pembimbing bagi memastikan proses pembelajaran berjalan lancar dan menepati objektif pengajaran yang digariskan. Walaubagaimanapun kajian ini hanya meneliti satu elemen daripada konsep pembelajaran abad ke-21 iaitu elemen kolaboratif dengan penggabungjalinan pembelajaran kinestatik melalui pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi. Inovasi Cerdik Jawi adalah sebuah inovasi yang dihasilkan berdasarkan permainan pasir. Melalui permainan yang dijalankan murid dapat meluahkan emosi, tingkah laku dan pengalaman mereka [4]. Mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi dalam pembelajarannya. Namun begitu, penguasaan tulisan Jawi generasi hari ini adalah lemah dari aspek penulisan [5] dan memberikan kesan kepada pemahaman mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian Inovasi Cerdik Jawi telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah dengan penggabungjalinan gaya pembelajaran koperatif dan kinestatik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### 1.1 Tinjauan Literatur

Kolaboratif atau koperatif merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan secara berkumpulan atau bersama-sama. Melalui pembelajaran koperatif murid dapat menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru secara berkumpulan dalam masa yang sama guru bertindak sebagai fasilitator [6]. Pembelajaran secara koperatif juga melibatkan kerjasama antara ahli kumpulan yang terdiri daripada tahap penguasaan yang berbeza secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada murid untuk

berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain untuk meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu topik pembelajaran [7]. Selain itu, kaedah pembelajaran secara koperatif juga meningkatkan interaksi sosial antara murid di dalam pasukan. Ahli pasukan dapat melakukan perbincangan dan perkongsian idea semasa proses pembelajaran berlangsung. Interaksi sosial yang aktif antara murid menonjolkan pembelajaran berpusatkan murid dan memenuhi aspirasi pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran serta dapat melahirkan individu berkualiti seimbang dari aspek akademik dan interpersonal [7].

Di samping itu, bagi mewujudkan pembelajaran yang bermakna kepada murid, guru perlulah mahir dalam menentukan gaya pembelajaran yang sesuai. Terdapat tiga gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran murid iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestatik [8]. Gaya pembelajaran visual lebih kepada belajar menggunakan gambar atau melihat kepada benda-benda yang maujud. Gaya pembelajaran auditori pula jenis pembelajaran yang menekankan aspek pendengaran seperti nyanyian. Manakala, gaya pembelajaran kinestatik adalah pembelajaran melalui pergerakan aktif. Murid dapat bergerak secara aktif seperti mengendalikan peralatan, menyentuh dan melaksanakan aktiviti secara kendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung [9]. Kecenderungan murid di sekolah rendah adalah kepada gaya pembelajaran kinestatik kerana dapat melakukan pergerakan dan tidak statik pada satu tempat sahaja. Menurut Meyers dan Jones [10] kepelbagaian gaya pembelajaran murid di dalam kelas dapat diatasi dengan menjalankan aktiviti pembelajaran yang aktif. Oleh yang demikian, gaya pembelajaran kinestatik sesuai digunakan kepada murid di sekolah rendah.

Matlamat pendidikan yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan melalui keberhasilan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai. Hasrat ini dapat dipenuhi dengan penerapan nilai-nilai Islami yang di ajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Namun begitu, realiti penguasaan tulisan Jawi murid pada masa kini adalah rendah. Murid perlu menguasai tulisan Jawi dengan mahir agar dapat memahami kandungan pelajaran Pendidikan Islam yang menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan pengantar di dalam buku teks.

## 1.2 Penyataan Masalah

Matlamat pembelajaran Jawi adalah untuk memastikan murid berkebolehan dalam membaca dan menulis menggunakan tulisan Jawi [11]. Penguasaan murid dalam tulisan Jawi akan meningkatkan pemahaman dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid beragama Islam di Malaysia. Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi sebagai medium pembelajaran. Namun begitu, penguasaan murid yang lemah dalam tulisan Jawi menyebabkan objektif pengajaran Pendidikan Islam tidak dapat dicapai secara menyeluruh [12]. Antara kelemahan murid dalam penulisan Jawi adalah murid keliru dalam mengenal huruf dan kaedah menyambung huruf Jawi. Selain itu, murid juga menghadapi masalah dalam proses membuat padanan huruf Jawi dan rumi [13]. Sistem tulisan Jawi yang sering mengalami perubahan daripada sistem tulisan tradisional kepada sistem tulisan baharu menyebabkan berlaku kekeliruan daripada aspek penulisan ejaan Jawi [14]. Tulisan jawi juga dianggap sebagai sebuah sistem tulisan yang sukar dikuasai kerana penggunaannya yang terhad dalam kehidupan seharian.

Antara faktor lain yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam penguasaan tulisan Jawi adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat murid untuk belajar tulisan Jawi. Penggunaan kaedah pengajaran berbentuk konvensional yang bersifat sehala menyebabkan murid bosan semasa di dalam kelas [15]. Seiring

pendidikan abad ke-21, kaedah pengajaran secara konvensional “chalk and talk” dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tidak sesuai diaplikasikan [16]. Suasana pembelajaran yang baik dapat menarik minat murid untuk belajar [17]. Oleh yang demikian, pemilihan kaedah pengajaran yang berkesan penting bagi merangsang kebolehan murid dan meningkatkan minat murid dalam mata pelajaran yang dipelajari khususnya bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Justeru, kajian Inovasi Cerdik Jawi yang memanfaatkan pembelajaran kinestatik dan pembelajaran koperatif telah dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Pendekatan ini menekankan penggunaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan gerakan fizikal dan kerjasama antara murid untuk mencapai objektif pembelajaran. Inovasi ini memberikan penekanan kepada motor halus murid melalui aktiviti membentuk tulisan di atas pasir. Aktiviti pembelajaran Inovasi Cerdik Jawi juga turut melibatkan murid belajar secara koperatif yang memerlukan kerjasama murid dalam proses belajar dan murid bertanggungjawab ke atas pembelajaran rakan sepasukan selain menumpukan kepada pembelajaran sendiri. Gabungan gaya pembelajaran kinestatik dan koperatif dalam Inovasi Cerdik Jawi memberikan kesan positif terhadap pembelajaran murid dan mampu mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna. Secara keseluruhannya, pembelajaran Inovasi Cerdik Jawi berupaya meningkatkan tahap penguasaan penulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah.

## 2. Metodologi

Metodologi kajian merupakan proses pelaksanaan sesuatu kajian dan proses perolehan maklumat bagi melaksanakan sesuatu kajian. Bab ini menerangkan bagaimana kajian ini dijalankan daripada aspek reka bentuk kajian, pemilihan sampel kajian, lokasi kajian, instrumen kajian dan prosedur kajian mengenai pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi menggunakan pendekatan pembelajaran kinestatik dan koperatif untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah.

### 2.1 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap penguasaan kemahiran menulis Jawi bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra dan ujian pasca?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pengajaran tradisional dan penggunaan Inovasi Cerdik Jawi terhadap kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah?
3. Apakah pandangan murid terhadap penggunaan Inovasi Cerdik Jawi dalam pelajaran Jawi?

### 2.2 Hipotesis Kajian

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan Inovasi Cerdik Jawi dalam meningkatkan tahap penguasaan penulisan Jawi murid sekolah rendah.

### 2.3 Reka Bentuk Kajian

Proses pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah khusus dalam reka bentuk kajian untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian [18]. Instrumen yang digunakan ialah ujian pra dan pasca untuk mengumpul data kuantitatif daripada Kumpulan kawalan (menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran) dan Kumpulan rawatan (menggunakan kaedah Inovasi Cerdik Jawi dalam pembelajaran). Data

kualitatif pula digunakan untuk menyokong dapatan kuantitatif melalui hasil temu bual murid [4]. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah Kemahiran menulis huruf Jawi, manakala pemboleh ubah bebas ialah kaedah pengajaran yang digunakan kepada Kumpulan kawalan dan Kumpulan rawatan. Kajian kuantitatif dijalankan dalam kajian ini dengan kajian kuasi eksperimen melibatkan ujian pra dan ujian pasca adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1**

Kuasi eksperimen

Kumpulan	Kaedah pengajaran		
Kumpulan kawalan	Ujian pra	Kaedah tradisional	Ujian pasca
Kumpulan rawatan	Ujian pra	Kaedah “Inovasi Cerdik Jawi”	Ujian pasca

#### 2.4 Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 60 orang murid tahun dua dari sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di Daerah Alor Setar, Kedah. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan prosedur persampelan jenis bukan kebarangkalian [19]. Kumpulan kawalan berjumlah 30 orang murid ( $n=30$ ) telah menjalani sesi pengajaran menggunakan kaedah tradisional, manakala 30 orang murid ( $n=30$ ) dalam kumpulan rawatan pula menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah Inovasi Cerdik Jawi.

#### 2.5 Instrumen Kajian

Instrument kajian adalah bertujuan untuk mengukur pemboleh ubah bagi mencapai objektif [20]. Set soalan ujian pra dan pasca adalah set soalan daripada Kem Cemerlang Jawi, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Set soalan ini terdiri daripada tiga bahagian yang memfokuskan kemahiran menulis Jawi. Soalan pra diberikan kepada murid, manakala set soalan pasca diberikan setelah dua minggu soalan pra dilaksanakan.

#### 2.6 Protokol Kajian

Set soalan pra telah diberikan kepada murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Sesi pengajaran menggunakan Inovasi Cerdik Jawi dengan penekanan konsep pembelajaran kinestatik dan koperatif telah dilaksanakan kepada murid di dalam kumpulan rawatan. Setelah seminggu, soalan ujian pasca diedarkan kepada kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan. Tempoh pelaksanaan kajian ini adalah dua minggu.

#### 2.7 Analisis Data

Penganalisan data telah dijalankan menggunakan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif untuk mengukur pencapaian murid, dan statistik inferensi untuk analisis ujian ANCOVA. Penilaian min taburan dua sampel bagi Kumpulan kawalan dan Kumpulan rawatan sama ada berbeza secara signifikan, adalah dengan menggunakan ujian pra dan pasca [19]. Ujian pra dan pasca murid direkodkan berdasarkan tahap penguasaan Cemerlang (80%-100%), Baik (60%-79%), Memuaskan (30%-59%), dan Lemah (0%-29%). Manakala analisis tematik pula digunakan untuk persoalan kajian ketiga iaitu mengenal pasti pandangan murid terhadap penggunaan pembelajaran interaktif dalam pembelajaran menyambung huruf Jawi. Analisis kualitatif telah melibatkan 10 orang murid sebagai responden untuk sesi temu bual selama 20 minit selepas sesi pembelajaran.

#### 2.8 Pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi

Jadual 2 menunjukkan kaedah pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

**Jadual 2**

Pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi

Langkah	Aktiviti
<i>Langkah 1</i> Murid memilih kad huruf	Kad huruf  <ol style="list-style-type: none"><li>Murid memilih kad huruf hijaiyyah yang mengandungi huruf <i>alif</i> sehingga huruf <i>ya</i>.</li></ol>
<i>Langkah 2</i> Menulis huruf di atas pasir ( <i>magnetic sand</i> )	Magnetic sand  <ol style="list-style-type: none"><li>Murid menulis huruf Jawi yang dipilih di atas pasir (<i>magnetic sand</i>).</li><li>Proses ini boleh dilaksanakan secara berulang sehingga murid mahir menulis huruf tersebut.</li></ol>
<i>Langkah 3</i> Mengimbas QR code	QR code  <ol style="list-style-type: none"><li>Murid mengimbas QR code untuk mendengar sebutan huruf dengan jelas.</li></ol>

Sesi pengajaran bagi kumpulan rawatan adalah dengan menggunakan Inovasi Cerdik Jawi. Pelaksanaan inovasi Cerdik Jawi menggabungkan elemen pembelajaran kinestatik dan pembelajaran koperatif. Kaedah pembelajaran kinestatik membolehkan murid bergerak secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Murid dapat belajar sambil bermain secara berstruktur dengan bimbingan guru. Selain itu, melalui elemen pembelajaran koperatif murid saling membantu dalam menyelesaikan aktiviti pembelajaran bersama-sama. Kelebihan pembelajaran koperatif ialah murid yang lemah dapat dibimbing oleh rakan yang lebih mahir. Murid saling bertanggungjawab atas kejayaan rakan sepasukan dan kejayaan diri sendiri. Justeru, pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi yang menggabungkan elemen pembelajaran kinestatik dan koperatif dapat membantu murid meningkatkan penguasaan dalam tulisan Jawi dan seterusnya mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna.

Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan menggunakan inovasi Cerdik Jawi adalah seperti dalam Rajah 1. Aktiviti yang dijalankan adalah dengan penerapan elemen kinestatik dan pembelajaran koperatif.



**Rajah 1.** Pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi melalui pembelajaran kinestatik dan koperatif


Rajah 2 pula menunjukkan murid membuat aktiviti menulis huruf Jawi di atas pasir (*magnetic sand*). Penggunaan pasir dapat merangsang kemahiran motor halus murid apabila menulis di atas pasir. Selain itu, aktiviti ini juga dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran murid lebih menyeronokkan kerana adanya penerapan elemen permainan dalam pembelajaran.



**Rajah 2.** Aktiviti menulis huruf Jawi di atas pasir (*magnetic sand*)


### 3. Dapatan Kajian

Rajah 3 menunjukkan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Dapatan ujian pra menunjukkan pencapaian murid adalah lemah dengan 53% (n=16) dan memuaskan dengan 47% (n=14). Tiada seorang pun murid memperoleh kategori pemarkahan baik dan cemerlang bagi ujian pra. Keputusan dalam ujian pasca menunjukkan terdapat peningkatan bagi kategori memuaskan iaitu 63% (n=19), manakala lemah menurun kepada 37% (n=11). Tiada peningkatan dalam kategori cemerlang dan baik bagi ujian pasca.



Rajah 3. Ujian pra dan ujian pasca untuk kumpulan kawalan

Rajah 4 menunjukkan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Dapatan ujian pra menunjukkan pemcapaian murid adalah lemah dengan 57% ( $n=17$ ) dan memuaskan dengan 43% ( $n=13$ ). Tiada seorang pun daripada murid memperoleh markah dalam kategori baik dan cemerlang bagi ujian pra. Walaubagaimanapun, Keputusan ujian pasca menunjukkan terdapat peningkatan dalam kategori cemerlang iaitu 19% ( $n=5$ ), baik dengan 33% ( $n=9$ ), dan memuaskan dengan 48% ( $n=16$ ). Tiada seorang daripada kalangan murid memperoleh markah dalam kategori lemah dalam ujian pasca.



Rajah 4. Ujian pra dan ujian pasca untuk kumpulan rawatan

Jadual 3 menunjukkan Keputusan statistic deskriptif menunjukkan bahawa nilai min kumpulan rawatan (57.37) mengatasi nilai min kumpulan kawalan (33.37).

### Jadual 3

#### Statistic deskriptif

Dependent Variable: Post Test

Group	Mean	Std. Deviation	N
Control	33.37	18.373	30
Treatment	57.37	18.687	30
Total	45.37	22.000	60

Ujian Levene menguji hipotesis varians bahawa kedua-dua kumpulan adalah homogen sebelum rawatan diberikan. Berdasarkan jadual 4, Keputusan ujian Levene, iaitu [ $F91,580 = 2.449, p > 0.05$ ] menunjukkan Keputusan yang tidak signifikan. Maka hipotesis nul gagal ditolak. Kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang sama di awal kajian.

#### Jadual 4

##### Ujian Levene

Dependent Variable: Post Test			
F	df1	df2	Sig.
2.449	1	58	.123

Dapatkan data kualitatif dijalankan bagi menyokong dan mengukuhkan data kuantitatif dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan data kualitatif iaitu melalui hasil temu bual 10 orang murid, penggunaan Inovasi Cerdik Jawi dalam pembelajaran penulisan Jawi menjadikan proses pembelajaran Jawi lebih menyeronokkan. Responden 1,2 dan 3 menyatakan aktiviti Inovasi Cerdik Jawi sangat menyeronokkan.

*“Saya suka belajar guna Inovasi Cerdik Jawi”*

(R1)

*“Main tulis-tulis atas pasir sangat seronok. Selalu belajar Jawi saya rasa bosan. Hari ini saya rasa best sangat”.*

(R2)

*“Nanti saya nak belajar macam hari ini lagi. Seronok kalau belajar Jawi guna permainan Inovasi Cerdik Jawi”.*

(R3)

Selain itu, melalui temu bual yang dijalankan juga, pelaksanaan Inovasi Cerdik Jawi dapat meningkatkan minat murid mempelajari tulisan Jawi. Hasil dapatan data temu bual yang dianalisis menunjukkan lima orang murid memberikan pandangan yang sama iaitu Inovasi Cerdik Jawi berjaya meningkatkan minat mereka untuk mempelajari tulisan Jawi.

*“Dulu tak suka tulisan Jawi sebab saya rasa susah. Selepas buat aktiviti hari ini saya suka belajar tulisan Jawi”.*

(R2)

*“Nanti saya nak belajar Jawi macam hari ini ya ustazah”*

(R3)

*“Kalau belajar Jawi guna Inovasi Cerdik Jawi saya rasa senang nak faham”*

(R5)

*“Bila kita nak belajar guna pasir lagi ustazah. Saya suka belajar Jawi”*

(R8)

*“Tulisan Jawi dah tak bosan lagi ustazah, nanti saya nak belajar tulis Jawi lagi”*

(R9)

Hasil dapatan data kualitatif melalui temu bual yang dijalankan menunjukkan penggunaan Inovasi Cerdik Jawi menjadikan proses pembelajaran Jawi lebih menyeronokkan dan dapat meningkatkan minat murid untuk mempelajari tulisan Jawi.

#### 4. Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dapatan data kuantitatif menunjukkan pembelajaran menggunakan Inovasi Cerdik Jawi memberikan kesan positif kepada murid daripada aspek pencapaian murid dalam kemahiran menulis huruf Jawi. Penggabungjalinan elemen pembelajaran kinestatik dan koperatif membantu murid untuk lebih aktif dan meningkatkan minat murid untuk belajar. Penyesuaian gaya

pembelajaran penting kepada murid untuk mengekalkan minat belajar dan menghindarkan perasaan bosan [21]. Selain itu, perbandingan prestasi murid antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan membuktikan bahawa penggunaan Inovasi Cerdik Jawi telah meningkatkan pencapaian murid dalam penguasaan tulisan Jawi. Manakala dapatan kualitatif hasil temu bual murid membuktikan penggunaan Inovasi Cerdik Jawi telah menjadikan proses pembelajaran Jawi lebih menyeronokkan. Di samping itu, Inovasi Cerdik Jawi juga telah membantu meningkatkan minat murid untuk mempelajari tulisan Jawi. Oleh yang demikian, Inovasi Cerdik Jawi perlulah diaplikasikan di dalam kelas untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih menarik seterusnya menjadikan proses pembelajaran murid menjadi lebih bermakna.

## Pengakuan

Penyelidikan ini adalah inspirasi daripada kajian Matching Grant bertajuk Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menerusi E-Learning di Malaysia dan Indonesia (kod SO: 14953).

## Rujukan

- [1] Rajikal, Wardyawaty, and Mohd Isa Hamzah. "Kajian sistematis pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI): Systematic review of 21st century teaching among Islamic education teachers." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4, no. 2 (2020): 103-113. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i2.46>
- [2] Zokhi, Aini Nurrasyidah Md. "Aplikasi Inovasi Q-Track Kit Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Modul Teoritikal: Innovative Application of Q-Track Kit in the Teaching and Learning Process for Theoretical Modules." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 27, no. 1 (2022): 20-29.
- [3] Sahrir, Muhammad Sabri, Nurulhuda Osman, and Ilyani Syiham Muhammad. "Aplikasi 'Konsep 4C'Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelajar Sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah UIAM: Application of '4C Concept'in 21st Century Learning Among Student Teachers for Master in Education for Arabic in School Holiday Mode, IIUM." *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)* 2, no. 1 (2020): 12-22. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i1.33>
- [4] Ibharim, Nur Shakila, Nor Aishah Othman, and Nurul Iman Abdul Jalil. "Penggunaan Pendekatan Terapi Bermain dalam Mengenalpasti Isu dan Permasalahan Kanak-Kanak: The Use of Play Therapy Approaches in Identifying Children's Issues and Problems." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 26, no. 1 (2022): 9-24.
- [5] Rashed, Zetty Nurzuliana, Kamarulnizam Sani, Sapie Sabilan, Haslina Hamzah, and Munera Hashim. "Pendekatan Intervensi Murid Terciric Bagi Subjek Jawi di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor: Kajian Rintis: Intervention Approach for Dropout Pupils in Jawi Subjects in Selangor State Religious Primary Schools: A Pilot Study." *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 10, no. 2 (2023): 37-49. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2.137>
- [6] Rahman, Mhd Habibu, and Rita Kencana. "Implementasi model pembelajaran kooperatif dalam meningkatkan perkembangan sosial anak usia dini." *Musamus Journal of Primary Education* 2, no. 2 (2020): 67-75. <https://doi.org/10.35724/musjpe.v2i2.2177>
- [7] Sabri, Safura Ahmad, Hanis Fathiah Mohamad Nazan, and Nurauliani Jamlus Rafdi. "Hubungan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar KUIS: the relationship between cooperative learning methods and teamwork skills among KUIS Students." *Journal of Management and Muamalah* 12, no. 1 (2022): 94-106.
- [8] Tar, Dayang Julida Abang, and Muhd Izwan Mahmud. "Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 4 (2021): 49-64.
- [9] Mohamed, Faraliza, and Shahlan Surat. "Pengetahuan dan Amalan Pengajaran VAK Guru dalam Prasekolah." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 5 (2023): e002329-e002329. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2329>
- [10] Meyers, Chet, and Thomas B. Jones. *Promoting Active Learning. Strategies for the College Classroom*. Jossey-Bass Inc., Publishers, 350 Sansome Street, San Francisco, CA 94104, 1993.
- [11] Bahagian Pembangunan Kurikulum (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019)
- [12] Ariffin@Eduny, S. E., Mokhtar, S., Hasbollah Hajimin, M. N. H., dan Marinsah, S. A. "Pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis Jawi murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan." *International*

- Journal of Education Psychology and Counselling (IJEPC)* 7, no. 45 (2022): 112-126.  
<https://doi.org/10.35631/IJEPC.745009>
- [13] Abdul Rahim, N. F., Azman, N. A., Mohamad Hakim, N. F., Zamri, N. H. A., & Ali, A. R. "De' Aspiration of Maestro Jawi 2.0 (DAMAWI 2.0)." *International Innovation Competition (INNOCOM)* (2020): 98-107.
  - [14] Hamdzah, Mohd Eezan, and Shahlan Surat. "Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah." *Jurnal Personalia Pelajar* 23, no. 2 (2020). <https://doi.org/10.17576/personalia.2302.2020.07>
  - [15] Mantihal, Sylviana, and Siti Mistima Maat. "Pengaruh pembelajaran abad ke-21 (pak21) terhadap minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran matematik: satu tijauan sistematik." *Jurnal Dunia Pendidikan* 2, no. 1 (2020): 82-91.
  - [16] Salleh, Mohd Rosmadi Mohd, and Hafizah Zulkifli. "Penggunaan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Utilisation of Edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4, no. 2 (2020): 1-16. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i2.36>
  - [17] Arifin, Raihan Mohd, Nik Fadhilah Nik Him, Ahmad Shidki Mat Yusoff, and Borhanuddin Ahmad. "Rabbani Education: Facing Realities and Readiness for the Challenges of Future Education." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 31, no. 1 (2023): 1-8.
  - [18] Sileyew, Kassu Jilcha. *Research design and methodology*. Vol. 7. Cyberspace, 2019.
  - [19] Chua, Y. P., Mastering Research Methods 3<sup>rd</sup> Ed (2020), 313-314
  - [20] Aspers, Patrik, and Ugo Corte. "What is qualitative in qualitative research." *Qualitative sociology* 42 (2019): 139-160. <https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
  - [21] Mahadi, F., Husin, M. R. dan Md Hassan, N. "Gaya pembelajaran: Visual, auditori dan kinestatik." *Journal of Humanities and Social Sciences* 4, no. 1 (2022): 29-36. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0401.341>